
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JMS 213 – Sejarah Politik Malaysia Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Nilaiikan sejarah kemunculan Malaysia moden dari segi proses pembentukan dan ciri-ciri sebuah negara moden. Apakah perubahan-perubahan besar yang telah berlaku?

(100 markah)
2. Malayan Union digubal sebagai persediaan ke arah pemerintahan sendiri bagi Tanah Melayu. Dengan merujuk kepada isu-isu utama Malayan Union, sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

(100 markah)
3. Bincangkan faktor utama yang menyebabkan nasionalisme Melayu lambat berkembang sebelum Perang Dunia ke-2. Mengapa anda berpendapat demikian?

(100 markah)
4. Jelaskan isu-isu yang menjadi bantahan kaum Kadazan Sabah terhadap kerajaan Persekutuan. Bagaimanakah anda menilai kebangkitan mereka sejak tahun 1960-an?

(100 markah)
5. Perpisahan Singapura daripada Malaysia 1965 banyak bergantung kepada konflik-konflik yang tiada jalan penyelesaiannya. Dengan merujuk kepada konflik-konflik tersebut, jelaskan faktor utama yang membawa kepada perpisahan ini.

(100 markah)
6. Bincangkan pelaksanaan konsep federalisme di Malaysia dengan merujuk kepada hubungan antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri Kelantan, 1959-1978 dan Pahang, 1976-1981.

(100 markah)